

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10405**

**SOALAN :**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik anggota ISIS rakyat Malaysia yang telah ditangkap sejak tahun 2016 sehingga sekarang dan apakah program pemulihan mereka.

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 2016 sehingga 6 Oktober 2017 seramai 148 orang warganegara Malaysia telah ditangkap kerana terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh.**

**Kesemua tahanan ini mengikuti program deradikalisasi atau proses pemulihan khusus (Modul Pemulihan Bersepadu) melibatkan kerjasama pelbagai agensi seperti KDN, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pemulihan ini merangkumi aspek keagamaan, kewarganegaraan, psikologi, kekeluargaan dan nilai-nilai neutral yang mengancam ideologi pengganas Daesh.**

**Pada masa sama, Bahagian *Counter Terrorism*, Cawangan Khas sendiri telah mengadakan 3 program pemulihan di sekitar Kuala Lumpur pada tahun 2015 dan 2016 melibatkan 54 orang tahanan.**